

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 48**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ PERMATANG PAUH ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) perincian kriteria pemilihan doktor kontrak (gred UD41) yang dinaik taraf kepada status doktor tetap (gred UD44); dan
- (b) laluan ataupun langkah seterusnya yang digariskan bagi doktor kontrak yang bertungkus-lumus melawan wabak COVID-19 setelah berakhir sambungan kontrak mereka.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kaedah penilaian Pegawai Perubatan Gred UD41 untuk mengisi jawatan tetap memperuntukkan bahawa pegawai mestilah **memenuhi kriteria teknikal dan umum** serta tertakluk kepada kekosongan perjawatan tetap di Kementerian Kesihatan.
2. Bagi kriteria teknikal, Pegawai Perubatan Gred UD41 **mestilah lulus enam (6) posting tanpa pelanjutan dan mendapat Perakuan Pendaftaran Penuh**. Kemudian, **senarai pegawai disusun mengikut jumlah merit yang dikumpul sepanjang latihan** iaitu berdasarkan markah penilaian setiap *posting* (*Certificate Completion of Posting*) dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT).

3. Selain memenuhi kriteria teknikal, pegawai juga perlu memenuhi kriteria umum dan syarat lantikan skim perkhidmatan seperti diperakui sihat untuk dilantik, tidak pernah ditamatkan kontrak dan bebas daripada tindakan tatatertib.

4. Semua pemohonan untuk pelantikan tetap akan disaring di peringkat hospital dan kemudian dibawa ke peringkat Ibu Pejabat KKM bagi memastikan proses penilaian dan pemilihan dilaksanakan secara telus dan adil. Cadangan pelantikan tetap seterusnya akan diangkat kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi pertimbangan pelantikan tetap.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan telah meluluskan pelanjutan tempoh kontrak secara one-off (dengan izin) kepada Pegawai Perubatan Gred UD41 yang telah menamatkan khidmat wajib sebagai usaha menjaga kebajikan mereka dalam tempoh penularan wabak COVID-19 berikutan keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan dan bagi menyokong usaha Kementerian Kesihatan memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan terutamanya bagi membendung dan menangani penularan wabak COVID-19.

6. Berbeza dengan matlamat pelantikan secara kontrak yang bertujuan untuk membolehkan pegawai menjalani latihan siswazah dan/ atau khidmat wajib, pertimbangan pelantikan tetap dibuat secara berasingan dari semasa ke semasa tertakluk kepada faktor kekosongan jawatan tetap mengambil kira pegawai memenuhi syarat pelantikan dan merit yang ditetapkan serta diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian untuk dilantik tetap.

7. Selain peluang pelantikan secara tetap yang dilaksanakan di KKM, pegawai juga berpeluang untuk memohon pekerjaan di agensi awam yang lain seperti hospital-hospital universiti awam dan juga di sektor swasta dan syarikat yang memerlukan pekerja yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kesihatan seperti makmal perubatan swasta, syarikat farmaseutikal dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.